

JAWAPAN

TEMA
8

Subur Bahasa, Mekar Sastera

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Rozita : Terima kasih atas kesudian Datuk melapangkan masa untuk sesi wawancara bersama-sama saya.
- Datuk Latif : Saya sebagai Ketua Lembaga Bahasa Melayu Melaka, bersedia untuk memberi penjelasan dan pendapat yang berkaitan.
- Rozita : Apakah peranan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa untuk memartabatkan bahasa Melayu?
- Datuk Latif : Ibu bapa hendaklah memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu dalam kalangan anak-anak mereka sejak kecil supaya semangat ini berkekalan sampai bila-bila. Bak kata pepatah, kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya.
- Rozita : Apakah pula peranan pihak kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu?
- Datuk Latif : Selain mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi yang menjadi amalan kerajaan selama ini, saya berpendapat bahawa kerajaan perlu melantik pihak pemantau untuk menguatkuasakan akta dan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu. Tindakan ini akan menjadikan masyarakat mementingkan penggunaan bahasa Melayu baku dalam urusan harian.
- Rozita : Pada pendapat Datuk, bagaimanakah badan berkanun seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dapat terus memperkasakan bahasa Melayu?
- Datuk Latif : Dewan Bahasa dan Pustaka disarankan agar bekerjasama dengan sekolah-sekolah bagi menjalankan pelbagai aktiviti untuk memperkasakan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid. Hal ini dapat memastikan bahasa Melayu menjadi bahasa yang dinamik dan relevan mengikut arus perubahan.

PBD Kemahiran Menulis

1. Sebanyak 13 orang tokoh sastera telah menerima Anugerah Sastera Negara hingga kini.
2. Tokoh Anugerah Sastera Negara dipilih dalam kalangan tokoh sasterawan yang masih hidup supaya mereka dapat menikmati ganjaran wang tunai serta pelbagai kemudahan dalam menjalani kehidupan dan berkarya.
3. Pada pandangan saya, karya sastera memainkan peranan penting untuk memupuk perpaduan kaum dan melahirkan masyarakat Malaysia yang aman, harmoni, bahagia, dan mempunyai jati diri sebagai masyarakat Malaysia melalui penyampaian gaya bahasa yang indah dan menarik serta cerita-cerita yang dipaparkan.

PBD Aspek Seni Bahasa

1. Penulis menggunakan gaya bahasa yang indah dan menarik, seperti penggunaan bahasa halus, iaitu kakanda, bonda, dan adinda serta simile, iaitu bagai bermain dengan api.
2. Penulis menggunakan teknik plot yang pelbagai, seperti dialog antara bonda atau emak dengan "aku" atau Nora.
3. Penulis memaparkan tema kekeluargaan, iaitu kisah keluarga miskin yang sangat mementingkan prestasi akademik demi mengubah nasib keluarga.
4. Penulis memaparkan latar masyarakat kampung yang miskin tetapi mementingkan ilmu pengetahuan, masyarakat pelajar, dan masyarakat yang berusaha dengan gigih untuk berjaya.